

22 JUL, 2025

Tenaga solar solusi jimat bil elektrik, mesra alam

Berita Harian, Malaysia



Tenaga solar solusi jimat bil elektrik, mesra alam

Pemberian rebat, pinjaman dari bank bantu kurang kos awal pasang sistem tenaga solar fotovolta

Oleh Saadiah Ismail
Saadiah_ismail@bh.com.my

Sistem tenaga solar fotovolta membolehkan kita menjana tenaga elektrik sendiri, sekali gus mengurangkan bil elektrik, bahkan dalam keadaan tertentu boleh menghapuskan bil elektrik bulanan!

Di Malaysia, sistem tenaga solar fotovolta bersaiz sekitar 5kW mampu menyediakan sehingga 600kWj tenaga elektrik setiap bulan, cukup bagi menampung 70 peratus hingga 100 peratus keperluan penggunaan rumah biasa.

Jika dahulu, ia dianggap sebagai satu teknologi mewah dan hanya digunakan oleh golongan berada, kini panel solar semakin mendapat tempat dalam kalangan pemilik kediaman sebagai satu penyelesaian moden, mesra alam dan menjimatkan.

Bagi Saiful Nizam Abu Bakar, 44, peralihan kepada tenaga solar bermula Ogos tahun lalu selepas bertahun-tahun membayar sekitar RM700 sebulan untuk bekalan elektrik kegunaan di rumahnya dengan tujuh penghuni.

Jelas Saiful, beliau menikmati rebat RM4,000 daripada suatu skim insentif solar yang ditawarkan pada ketika itu dan membayar hanya RM23,000 untuk memasang 14 panel solar di bumbung kediamannya.

“Walaupun perlu membayar ansuran bulanan RM300 selama lima tahun (untuk memasang sistem tenaga solar fotovolta di rumahnya), selepas tempoh itu saya tidak perlu risau lagi soal bil elektrik. Jika dulu bil elektrik saya RM700 sebulan, kini bil elektrik saya cuma RM40 sebulan,” katanya kepada BH.

Lebih mampu dimiliki

Selain pemberian rebat melalui skim insentif solar, kemudahan pinjaman dari beberapa bank tempatan amat membantu mengurangkan kos awal me-



Penggunaan tenaga solar dapat mengurangkan penggunaan bahan bakar fosil seperti arang batu untuk menjana elektrik, sekali gus mengurangkan pelepasan karbon ke alam sekitar. (Foto hiasan)

masang sistem tenaga solar fotovolta.

Menurut Gan Yong Li, 38, tawaran untuk memasang sistem tenaga solar dengan bayaran secara ansuran mampu menarik minat orang ramai untuk beralih kepada tenaga yang lebih bersih itu.

Seperti Saiful, Gan juga mendapat rebat RM4,000 melalui skim insentif solar untuk memasang 10 panel solar di kediamannya.

“Sebelum ini bil elektrik saya hampir RM400 sebulan, tapi sejak memasang panel solar, purata bil elektrik bulanan saya hanyalah sekitar RM10 sebulan,” katanya.

Bagi Gan, suatu hal menarik ialah kos penyenggaraan panel solar adalah minimum dan hanya perlu dibersihkan sekali-sekala, itupun biasanya dilakukan secara semula jadi dengan

bantuan hujan.

Sementara itu, pensyarah kanan dan pengurus tenaga Universiti Malaysia Sabah, Dr Wan Khairul Muzammil Abd Rahim menyifatkan penggunaan sistem tenaga solar sebagai suatu pilihan bijak, kerana dapat membantu mengurangkan bil elektrik sehingga lebih 90 peratus.

“Bagi rumah teres biasa, ini boleh diterjemahkan kepada penjimatan bulanan sekitar RM85 hingga RM200 atau lebih, bergantung kepada penggunaan dan saiz sistem,” katanya.

Solusi lestari

Sementara itu, pensyarah Wan Khairul berkata, salah faham yang paling biasa ialah tenaga solar sangat mahal.

“Sebenarnya pilihan pembiayaan seperti pajakan solar dan model kos pendahuluan sifar,

dapat menjadikan tenaga solar lebih mudah dinikmati,” tambah beliau.

Jelas beliau, kos teknologi solar di Malaysia telah menurun sebanyak 30 hingga 50 peratus dalam tempoh lima tahun lepas berikutan kemajuan teknologi dan peningkatan persaingan.

“Beralih kepada tenaga solar untuk menjana sendiri tenaga elektrik juga dapat melindungi kita daripada kesan inflasi. Ini suatu pelaburan proaktif bagi menghadapi masa hadapan yang sukar dijangka,” katanya lagi.

Suatu hal yang pasti ialah penggunaan tenaga solar dapat mengurangkan penggunaan bahan bakar fosil seperti arang batu untuk menjana elektrik, sekali gus mengurangkan pelepasan karbon ke alam sekitar.

Perubahan ini amat penting dalam menjadikan udara dan

alam sekitar kita lebih bersih, sejajar hasrat negara untuk mencapai matlamat karbon sifar menjelang 2050 bagi menyertai masyarakat dunia dalam menangani perubahan iklim global.

Seiring kemajuan teknologi dan meningkatnya kesedaran terhadap perubahan iklim serta tekanan kos sara hidup, ternyata tenaga solar adalah suatu pelaburan jangka panjang yang amat berbaloi.

Dengan insentif kerajaan yang komited terhadap usaha-usaha pelestarian, potensi penjimatan yang besar serta penyenggaraan mudah lagi murah, tiada sebab untuk kita menunggu lagi.

Lawati www.tnb.com.my/solar atau rujuk pembekal sistem tenaga solar fotovolta bertauliah sebagai langkah pertama untuk beralih ke tenaga yang lebih lestari.

“Walaupun perlu membayar ansuran bulanan RM300 selama lima tahun (untuk memasang sistem tenaga solar fotovolta di rumahnya), selepas tempoh itu saya tidak perlu risau lagi soal bil elektrik”

Saiful Nizam Abu Bakar



“Suatu hal menarik ialah kos penyenggaraan panel solar adalah minimum dan hanya perlu dibersihkan sekali-sekala, itupun biasanya dilakukan secara semula jadi dengan bantuan hujan”

Gan Yong Li

